

PROMOSI FAEDAH BONUS/KEUNTUNGAN AKAUN MATA WANG ASING/-i

Last updated on 8th March 2019

TEMPOH KEMPEN

“Promosi Faedah Bonus/Keuntungan Akaun Mata Wang Asing/-i (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) [kemudian daripada ini disebut “Bank”] bermula pada 11 Mac 2019 hingga 30 Jun 2019 (termasuk kedua-dua tarikh) (“Tempoh Kempen”) melainkan diberitahu sebaliknya.

Terma dan Syarat

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut.

1. Kempen terbuka kepada seluruh pemegang akaun utama **BAHARU** yang telah membuka mana-mana Akaun Sertaaan (seperti ditakrif dalam Fasal 2 di bawah) semasa Tempoh Kempen (“Pelanggan”):

Bagi mengelakkan keraguan,

Pemegang akaun utama baharu bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai mana-mana Akaun Sertaaan dengan Bank sebelum Tempoh Kempen dan membuka Akaun Sertaaan semasa Tempoh Kempen.;

Kelayakan

2. Akaun/akaun-i sertaaan bagi Kempen ini adalah seperti di bawah (“Akaun Sertaaan”):-
 - a. Akaun Mata Wang Asing Hong Leong (AUD / USD sahaja)

- i) Individu
- ii) Keempunyaan Tunggal
- iii) Perkongsian
- iv) Persatuan/Pertubuhan

- b. Akaun Mata Wang Asing-i Hong Leong (AUD / USD sahaja)

- i) Keempunyaan Tunggal
- ii) Perkongsian

Bagi Akaun Sertaaan di bawah HLISB (“Akaun Sertaaan-i”), Akaun Sertaaan-i adalah akaun deposit berdasarkan prinsip Syariah iaitu Tawarruq. Bagi mengelakkan keraguan, semua Akaun Sertaaan yang dinyatakan di atas adalah layak dilindungi Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).

3. Golongan Pelanggan berikut TIDAK layak menyertai Kempen:
 - a. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufliis atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa atau semasa Tempoh Kempen;
 - b. Pelanggan yang ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang dinyatakan di dalam ini
 - c. Kakitangan tetap dan/atau kontrak Bank serta kaum keluarga terdekat mereka (contoh, pasangan, anak-anak, ibu atau bapa, adik beradik)

KAEDAH KEMPEN

4. Untuk layak menyertai Kempen ini, Pelanggan MESTILAH memenuhi Kriteria Kempen seperti yang dipaparkan dalam jadual di bawah semasa Tempoh Kempen (“Pelanggan Layak”):

Kriteria Kempen	Baki Minimum dalam Akaun Sertaaan pada 30 Jun 2019	Kadar Faedah Bonus / Keuntungan Kempen (setahun)
Membuka Akaun Sertaaan – akaun AUD dalam Tempoh Kempen	AUD 1,000	+0.80%
Membuka Akaun Sertaaan – akaun USD dalam Tempoh Kempen	USD 1,000	+1.00%

5. Jumlah saiz kumpulan dana bagi Kempen ini dihadkan setakat Ringgit Malaysia Satu Ratus Tiga Puluh Empat Ribu (RM134,000) dan dibayar kepada Pelanggan yang telah memenuhi Kriteria Kempen dalam masa yang terpantas, atas dasar siapa cepat dia dapat dan mengikut saiz kumpulan dana. (“Pelanggan Layak”)

6. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan Layak adalah berhak menerima Faedah Bonus/Keuntungan Kempen pada kadar yang ditunjukkan dalam jadual di atas sehinggalah kumpulan dana dimaksimumkan berdasarkan kadar pertukaran asing semasa ketika memenuhi syarat.
7. Faedah Bonus/Keuntungan Kempen bagi Kempen ini akan dikreditkan ke dalam Akaun Sertaan Pelanggan Layak dalam masa sembilan puluh (90) hari setelah tamatnya Tempoh Kempen ("Tempoh Pemenuhan"). Namun begitu, Bank tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan mengkreditkan Faedah Bonus/Keuntungan Kempen.
 - a) Pengiraan Faedah Bonus/Keuntungan Kempen seperti di bawah:

$$\text{Formula} = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian dari 11 Mac 2019 – 30 Jun 2019}}{\text{Bilangan hari dalam Tempoh Kempen}}$$

Senario: Pelanggan membuka Akaun Sertaan pada 14 Mac 2019

$$\begin{aligned} \text{contoh} &= \frac{\text{(11 Mac) AUD0.00 + (12 Mac) AUD0.00 + (13 Mac) AUD0.00 + (14 Mac) AUD2,232 + \dots + (30 Jun) AUD10,230}}{111 \text{ hari}} \\ &= \frac{\text{AUD589,710}}{111 \text{ hari}} \quad (\text{Hasil tambah baki penutup harian bagi Tempoh Kempen}) \end{aligned}$$

Faedah Bonus/Keuntungan Kempen = (Hasil tambah baki penutup harian bagi Tempoh Kempen x Faedah Bonus atau Keuntungan Bonus Kempen / 365 hari x hari Tempoh Kempen)

$$\begin{aligned} \text{Faedah Bonus/Keuntungan Kempen} &= \text{AUD5,312.70} * 0.80\% / 365 * 111 \\ &= \text{AUD12.93} \end{aligned}$$

8. Bagi Pelanggan yang mempunyai lebih daripada satu Akaun Sertaan, setiap Akaun Sertaan adalah dianggap suatu penyertaan tersendiri; akan tetapi, setiap Pelanggan hanya berhak mendapat satu Faedah Bonus/Keuntungan Kempen sahaja berdasarkan Akaun Sertaan yang mempunyai Faedah Bonus/Keuntungan Kempen yang tertinggi.
9. Borang penyertaan atau pendaftaran penyertaan tidak perlu untuk menyertai dan Bank akan menjejaki Pelanggan Layak secara automatik setelah tamatnya Tempoh Kempen.
10. Akaun Sertaan mestilah pada setiap masa kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum sebanyak AUD 1,000 atau USD 1,000 pada akhir Tempoh Kempen bagi tujuan pemenuhan Kaedah Kempen. Sekiranya Akaun Sertaan itu ditutup atas apa jua sebab sekalipun semasa Tempoh Kempen, maka Pelanggan terlucaut kelayakan daripada menyertai Kempen
11. Bagi tujuan mematuhi Syariah untuk pembayaran Keuntungan Bonus Kempen, maka Pelanggan telah memberi keizinan kepada HLISB untuk menggunakan USD1,000 atau AUD 1,000 daripada Akaun Sertaan-i mereka sebagai harga belian bagi tujuan Dagangan Komoditi untuk memudahkan pembayaran Keuntungan Bonus Kempen. Segala keuntungan daripada Dagangan Komoditi tidak boleh tidak tetap akan dibayar balik ke dalam Akaun Sertaan-i. Dagangan Komoditi akan dilakukan dalam masa Tempoh Pemenuhan.
12. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank dikecualikan daripada sebarang tanggungjawab dan segala liabiliti yang berbangkit daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau pertukaran kepada Faedah Bonus/Keuntungan Kempen atau apa-apa keadaan luar jangka yang lain di luar kawalan munasabah Bank dan daripada apa-apa perbuatan atau keingkaran mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.
13. Sekiranya berlaku seri, Akaun Sertaan Pelanggan yang mempunyai baki tertinggi pada akhir tempoh Kempen akan diisytiharkan Pelanggan Layak. Selanjutnya Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk menentukan siapa yang layak menerima pembayaran Faedah Bonus/Keuntungan Kempen dan sebarang pertikaian berkenaan keputusan Bank tidak akan dilayani.
14. Sekiranya Faedah Bonus/Keuntungan Kempen tidak diterima dalam masa Tempoh Pemenuhan, pada dasarnya Pelanggan Layak berkewajipan memberitahu Bank dalam masa 30 hari setelah tamatnya Tempoh Pemenuhan, jika tidak Pelanggan Layak dianggap telah menerima Faedah Bonus/Keuntungan Kempen dan sebarang permohonan untuk bayaran ganti Faedah Bonus/Keuntungan Kempen tidak akan dilayani Bank.
15. Perkhidmatan SMS untuk tujuan Kempen ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("M3Tech"), iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank.

UMUM

16. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju:
- telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Bank dan Terma & Syarat Akaun Sertaan;
 - keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan dan surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayani
 - mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my dan / atau laman web HLISB di www.hlisb.com.my (secara kolektif "laman web Bank") dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Kempen dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
 - Faedah Bonus/Keuntungan Kempen yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barangan;
 - membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi (iaitu nombor telefon, jika berkenaan) kepada penyedia perkhidmatan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada M3Tech untuk tujuan pengendalian dan pemenuhan Kempen ini; dan
 - bertanggungjawab dan menanggung sendiri segala cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.
17. Bank berhak:
- menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggantian ganjaran dengan tawaran atau produk lain yang sama nilainya atas budi bicara mutlaknyanya, dengan cara menyiarkannya dalam laman web Bank dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari atau, dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank;
 - menukar, menambah, membatalkan atau menggantikan mana-mana atau kesemua Faedah Bonus/Keuntungan Kempen dengan produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal;
 - menentukan atas budi bicara mutlaknyanya siapa yang akan menjadi Pelanggan Layak jika berlaku seri;
 - melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas apa jua sebab sekalipun yang Bank dapati, menurut budi bicara mutlaknyanya, layak menyertai Kempen dan/atau berhak menerima Faedah Bonus/Keuntungan Kempen; dan
 - melupakan Faedah Bonus/Keuntungan Kempen sekiranya Pelanggan tidak mematuhi Terma & Syarat di dalam ini dan/atau Terma dan Syarat Am Akaun Hong Leong berkenaan CASA Hong Leong, Akaun Semasa dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i), dan semua undang-undang / peraturan lain berkenaan.
18. Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
19. Faedah Bonus/Keuntungan Kempen akan disediakan atas dasar "Sebagaimana Ada". Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Faedah Bonus/Keuntungan Kempen dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan bukanlah sebahagian Faedah Bonus/Keuntungan Kempen.
20. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
21. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.

Produk Deposit/Deposit-i adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM")